

Palanivel anggap kemenangan parti

KUALALUMPUR: Timbalan Presiden MIC yang baru dipilih, Datuk G Palanivel malam tadi menyifatkan kemenangan beliau merajai jawatan daripada penyandang sejak sekian lama Datuk S Subramaniam sebagai satu kemenangan bagi parti.

"Saya tetap rendah hati walaupun dengan kemenangan ini. Ia milik parti," katanya secara spontan selepas keputusan diumumkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu menewaskan Subramaniam dengan majoriti besar 438 undi.

Mengenai tindakan beliau selanjutnya, Palanivel, lebih mesra dengan panggilan 'GP' dalam kelompok MIC, berkata: "Saya akan berbincang dengan presiden saya (Datuk Seri S Samy Vellu) mengenai apa yang beliau mahu saya lakukan."

Mengenai sama ada akan berlaku perpecahan dalam parti berikutan keputusan pemilihan itu, Palanivel berkata, ahli gembira dengan keputusan itu dan dengan itu persoalan perpecahan di kalangan ahli tidak timbul.

Sementara itu, Subramaniam menerjma kealahannya dan menggesa barisan baru parti menunaikan janji yang dibuat sepanjang kempen pemilihan.

"Terdapat banyak janji dibuat dan saya berharap mereka menunaikannya demi masyarakat India. Saya menerima dan menghormati keputusan perwakilan," kata Subramaniam selepas pengumuman keputusan pemilihan.

Bekas Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu berkata, beliau akan kekal menjadi ahli biasa dan ketua bahagian Seputeh, dan akan terus berkhidmat kepada masyarakat.

Subramaniam berkata: "Dalam satu-satu pertandingan, menang atau kalah adalah lumrah dan saya menggesa penyokong saya supaya berenang dan menghormati keputusan perwakilan." - Bernama

FAKTA

Ahli Jawatankuasa Pusat MIC

PRESIDEN

- Datuk Seri S Samy Vellu (kekal tanpa ditandingi bagi rekod 10 penggal pada Mac di pemilihan presiden)

TIMBALAN PRESIDEN

- Datuk G Palanivel - 933 undi

NAIB PRESIDEN (3 JAWATAN)

- Datuk S Sothinathan - 1,153 undi
- Datuk S Veerasingam - 1,141
- Tan Sri Dr K SNijhar - 939

Calon Jawatankuasa Kerja Pusat (23 kerusi)

- Datuk G Rajoo - 1,176 undi
- Datuk V Saravanan - 1,116
- Dr S Subramaniam - 1,115
- Datuk M Davendran - 1,048
- Datuk K S Balakrishnan - 1,045
- Datuk R Ganeson - 1,025
- Kamala Ganapathy - 1,012
- Datuk R Raghavan - 987
- Datuk T Rajagopal - 983
- P K Subbaiyah - 968
- Datuk S Balakrishnan - 968
- R Ragumoorthy - 948
- S S Rajagopal - 935
- Datuk V Thiagarajan - 924
- Datuk R Ganesan - 919
- Datuk Dr K Rajapathy - 916
- Datuk S Krishnasamy - 911
- Datuk Dr L Krishnan - 831
- Prof Datuk T Marimuthu - 828
- Datuk K Sivalingam - 805
- Vimalah Nair - 802
- Senator M Saravanan - 776
- P Logeswary - 775

* *Pendatang baru. Selebihnya adalah penyandang.*